

Kejadian tanah runtuh di Kundasang berkait rapat dengan pergerakan tanah: Masidi

UMS diarah buat kajian

UB 8/6/2011 A1

Oleh RUZAINI ZULKIFLI
noscore2006@yahoo.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta melakukan kajian dan penyelidikan kawasan tanah runtuh yang berlaku di beberapa kampung di Kundasang, Ranau, baru-baru ini, yang memusnahkan kediaman dan memutuskan perhubungan kampung.

Pada masa sama, UMS turut disaran melaksanakan projek komuniti bersama penduduk di kawasan berkenaan untuk mendidik mereka menyesuaikan diri mengenai langkah perlu dilakukan sekiranya kejadian sedemikian berlaku di masa akan datang.

Menteri Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun, berkata kejadian tanah runtuh berkenaan berkait rapat dengan pergerakan tanah dan bukan disebabkan oleh kesan hujan lebat seperti mana didakwa sesetengah pihak.

“Kejadian itu berlaku secara semulajadi melalui pergerakan tanah, sehubungan itu kita meminta pihak UMS untuk mengadakan penyelidikan dan juga projek komuniti kepada penduduk di kawasan terbabit untuk menyesuaikan diri sekiranya berhadapan situasi tersebut.

“Tanah runtuh itu berkait rapat dengan keadaan geologi tanah yang sentiasa bergerak berikutan Gunung Kinabalu mengalami proses perubahan struktur akibat tekanan lapisan kerak bumi,” katanya dalam sidang media sempena Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) UMS 2011 dekat sini kelmarin.

Dalam kejadian pada April lepas, tiga rumah dilaporkan musnah dan 16 lagi mengalami kerosakan akibat kejadian tanah runtuh yang berlaku di dua kampung di Kundasang, iaitu Mohimboyon dan Kundasang Lama. Kejadian itu menjejaskan lebih 100 penduduk.

Masidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Karanaan berkata, dengan penyelidikan dan pelaksanaan projek komuniti itu nanti diharap dapat meminimumkan impak kejadian tanah runtuh serta menjimatkan penggunaan sumber alam di kawasan terbabit.

“Sungguhpun kita tidak dapat menghentikan impak daripada kejadian tanah runtuh itu, tapi sekurang-kurangnya kita mampu meminimumkannya,” katanya, sambil menambah bencana terbabit adalah disebabkan malapetaka alam dan sukar untuk dielakkan.

Mengenai penganjuran pertandingan itu, Masidi menjelaskan UMS harus berbangga menjadi institusi pendidikan yang menerajui industri penyelidikan di negeri ini, terutama bagi produk baru yang berunsurkan tempatan dan mampu menjana pertumbuhan ekonomi.



LAWAT PAMERAN ... Masidi ditemani Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Dr Rosnah Ismail sedang mencuba sesuatu produk ketika melawat gerai pameran PEREKA UMS 2011 kelmarin.